



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

BULAN REJAB, BULAN SOLAT

Tarikh Dibaca :

**2 REJAB 1443H/
4 FEBRUARI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْنَ كَمَا جَاءُوا بِالْإِسْلَامِ مَلِيصِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BULAN REJAB, BULAN SOLAT

2 REJAB 1443H / 4 FEBRUARI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا

حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ
وَصَفِيَّهُ وَحَبِيبَهُ مِنْ بَعَثَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ هَادِيًا وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا بَلَّغَ الرِّسَالَةَ وَأَدَّى
الْأَمَانَةَ وَنَصَحَ الْأُمَّةَ وَجَاهَدَ فِي اللَّهِ حَقَّ جِهَادِهِ فَجَزَاهُ اللَّهُ عَنَّا خَيْرَ مَا جَزَى نَبِيًّا مِنْ
أَنْبِيَائِهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ
لَعَلَّكُمْ تَرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita akan dinaungi kasih sayang dan *maghfirah* Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khutbah akan membicarakan tajuk: “**Bulan Rejab, Bulan Solat**”.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus berdisiplin dalam menjaga diri, keluarga dan masyarakat daripada terdedah dengan wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Marilah kita bersama-sama mengimarahkan masjid

pada setiap waktu dan mengambil peluang untuk bersegera datang awal ke masjid terutamanya pada Hari Jumaat. Sesungguhnya amat besar kelebihan bagi mereka yang berusaha menjadikan Hari Jumaat sebagai hari untuk mendapatkan segala ganjaran pahala di sisi Allah SWT. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ يَوْمٍ طَلَعَتْ عَلَيْهِ الشَّمْسُ يَوْمَ الْجُمُعَةِ، فِيهِ خُلِقَ آدَمُ، وَفِيهِ أُدْخِلَ الْجَنَّةَ، وَفِيهِ أُخْرِجَ مِنْهَا، وَلَا تَقُومُ السَّاعَةُ إِلَّا فِي يَوْمِ الْجُمُعَةِ

Maksudnya: “Sebaik-baik hari yang matahari terbit padanya ialah Hari Jumaat; pada hari inilah Adam AS diciptakan, pada hari ini (Adam AS) dimasukkan ke dalam syurga, dan pada hari inilah juga Baginda dikeluarkan dari syurga. Dan tidaklah kiamat akan terjadi kecuali pada hari ini (Jumaat).” **(Hadis riwayat Imam Muslim)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sedar atau tidak, kita sudah memasuki 2 Rejab tahun 1443 Hijri. Bulan Rejab merupakan bulan yang mencatatkan peristiwa sejarah yang sentiasa diingati oleh umat Islam kerana dalam bulan inilah berlakunya peristiwa Isra’ dan Mi’raj Rasulullah SAW. Dalam peristiwa ini, Rasulullah SAW telah diisra’kan (diperjalankan) dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Palestin dan kemudian dimi’rajkan (dinaikkan) ke langit menuju Sidratul Muntaha sepertimana firman Allah SWT ayat 1 Surah al-Isra’ yang dibacakan pada awal khutbah tadi yang bermaksud:

“Maha Suci Allah yang telah memperjalankan hambaNya (Nabi Muhammad SAW dengan roh dan jasadnya) pada waktu malam dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjid al-Aqsa (Baitul Muqadis di Palestin), yang kami berkati sekelilingnya supaya kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda (kebesaran dan kekuasaan) kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.

Dalam peristiwa tersebut, Baginda Rasulullah SAW telah menyaksikan tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT dan kemuncak peristiwa inilah Allah SWT telah memfardhukan solat lima waktu kepada umat Islam.

Firman Allah SWT dalam ayat 45 Surah al-Ankabut:

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ٤٥

Maksudnya: “*Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan*”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Solat merupakan suatu kefardhuan ke atas setiap orang Islam lelaki dan perempuan yang mukallaf iaitu yang baligh dan berakal. Tuntutan menjadikan solat itu adalah wajib selagimana akal fikiran orang itu sedar dan waras, sekalipun dalam keadaan sakit atau tidak berkemampuan, maka tidak ada alasan bagi kita untuk meninggalkan solat yang difardhukan lima waktu setiap hari. Namun, kaedah mendirikan solat itu sahaja yang berbeza mengikut keupayaan seseorang itu sendiri sama ada secara berdiri, duduk ataupun berbaring.

Perlu diingat, bahawa meninggalkan solat fardhu lima waktu dengan sengaja itu hukumnya adalah berdosa besar dan Allah SWT telah menjanjikan mereka neraka Saqar di akhirat kelak. Firman Allah SWT dalam Surah al-Muddaththir ayat 42-43 yang bermaksud:

“(Mereka berkata): “Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam Neraka Saqar?” Orang-orang berdosa itu berkata: “Kami tidak termasuk dalam golongan yang mendirikan sembahyang”.

Solat merupakan ruang untuk kita berhubung dengan Allah SWT. Tanpa solat, manusia akan hilang rasa takut dan begitu bergantung kepada makhluk yang lain sehingga mengenyahkan arahan dan larangan Allah SWT. Oleh itu, solat merupakan jawapan kepada setiap masalah kerosakan akhlak dan jenayah yang sukar ditangani sehingga hari

ini. Pada hari ini, berlakunya masalah sosial di sekeliling kita akibat daripada pengabaian solat walaupun ada juga yang mempersoalkan keterlibatan mereka yang solat dengan masalah keruntuhan akhlak. Maka jawapan mudah ialah kualiti solat yang tidak dijaga sehingga dirosakkan oleh hilangnya ikhlas, khusyu', dan riya' semasa menunaikannya. Perkara yang menghilangkan penghayatan solat itu sendiri menyebabkan solat seseorang tidak mampu menghalangnya daripada perkara mungkar. Oleh itu, bersungguhlah kita dalam memastikan kualiti solat kita sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa agar ia bukan sahaja diterima oleh Allah SWT malah mampu menjadi perisai daripada terlibat dengan perkara mungkar.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Firman Allah SWT dalam ayat 59 Surah Maryam:

﴿فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ۝۹﴾

Maksudnya: "Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)".

Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Quran kesan meninggalkan solat membawa kerosakan kepada umat itu sendiri. Nabi Muhammad SAW ketika hampir wafat turut memberi wasiat penting agar menjaga solat. Oleh itu, bersempena Bulan Rejab ini, pihak JAKIM telah mengambil inisiatif untuk mengajak dan menyeru masyarakat Islam di negara ini untuk sama-sama menyuburkan penghayatan solat terhadap diri, keluarga dan masyarakat melalui "**Pelancaran Bulan Solat**" yang **dirasmikan oleh YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)**. Mudah-mudahan usaha ini akan dipandang positif pada setiap lapisan masyarakat Islam sebagai membuktikan kecintaan kita pada perintah Allah SWT dan ajaran Rasulullah SAW.

Alhamdulillah, kita amat bertuah kerana negara ini mempunyai pelbagai kemudahan yang serba lengkap di setiap masjid dan surau untuk memudahkan para jemaah menunaikan solat secara berjemaah. Bukan itu sahaja, jika dilihat di premis-premis awam sama ada di pusat membeli belah, pasar-pasar awam, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta serta di stesen-stesen minyak pun telah disediakan kemudahan untuk bersolat. Tidak kurang juga,

di peringkat sekolah-sekolah juga telah banyak didedahkan kepada anak-anak kita dengan amali dan pelaksanaan solat. Justeru tiada lagi alasan untuk kita tidak melaksanakan solat kerana sesungguhnya solat itu ialah tiang agama serta akan dipersoalkan kelak kepada kita di Hari Mahsyar nanti. Pada zaman yang serba moden ini, menjadikan kita semakin sibuk dengan hal ehwal duniawi. Akan tetapi, janganlah kita jadikan kesibukan itu sebagai satu alasan untuk kita mencuaikan dan melalaikan ibadah solat. Sesungguhnya solat merupakan tanda ketaatan dan kesyukuran kita kepada Allah SWT yang telah melimpahkan pelbagai rahmat dan nikmat.

Ketahuilah, bahawa solat merupakan ibadah yang utama dan yang mula-mula sekali akan diperhitungkan oleh Allah SWT pada hari kiamat kelak. Oleh itu, jika seseorang itu sempurna solatnya nescaya berbahagialah dan beruntunglah dia. Sebaliknya, jika tidak sempurna sembahyangnya, maka akan rugi dan menyesallah dia kelak. Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya: *“Amalan yang pertama dihisab daripada seorang hamba pada hari kiamat ialah sembahyang. Jika baik (sembahyangnya) maka baiklah seluruh amalannya. Jika rosak (sembahyangnya), maka rosaklah seluruh amalannya”.* **(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi)**

Firman Allah SWT dalam ayat 74 Surah al-Nisa’:

فَلْيُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يَشْرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالْآخِرَةِ وَمَنْ يُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيُقْتَلْ
أَوْ يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ٧٤

Maksudnya: *“Oleh itu (orang beriman) yang mengutamakan kebahagiaan akhirat daripada kesenangan dunia hendaklah mereka berperang pada jalan Allah. Dan sesiapa yang berperang pada jalan Allah lalu dia gugur syahid atau beroleh kemenangan maka Kami akan menganugerahkannya ganjaran pahala yang besar”.*

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN

Mimbar jua mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah dan selamat menyambut **Hari Wilayah Persekutuan** pada tahun ini, 1 Februari lalu. Tema yang dipilih ialah **“Keluarga Malaysia”** yang menekankan konsep bersyukur, saling menolong dan berlumba-lumba melakukan kebajikan. Beberapa program yang telah dan sedang

dilaksanakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dalam usaha menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat berpaksikan kepada konsep **'Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin, Wilayah Selamat'**. Maka perbanyakkanlah bersyukur kepada Allah SWT atas segala nikmat dan kurniaan-Nya, saling menolong, melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*, serta mengikhlaskan segala perbuatan kerana Allah SWT. Mudah-mudahan dengan itu Allah SWT akan melimpahkan rahmat dan keberkatan-Nya kepada kita semua. Semoga Wilayah Persekutuan akan terus sejahtera dan mendapat keampunan daripada Allah SWT. *Insyallah*.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin membuat beberapa rumusan penting untuk diambil perhatian:

Pertama: Solat merupakan bukti keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah SWT.

Kedua: Golongan yang meninggalkan solat perlu bersegera insaf dan kembali kepada jalan yang telah ditentukan Allah SWT agar terselamat daripada azab-Nya.

Ketiga: Jadikanlah solat sebagai benteng utama untuk diri, keluarga, masyarakat seterusnya negara kita agar sentiasa dalam naungan serta kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي

وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى
النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ قَرْمَيسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.